

0845

B B102 BAH

RML - MAHATHIR (SWASTA)

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SEKTOR SWASTA PERLU MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBANTU MENINGKATKAN PENCAPAIAN EKONOMI NEGARA.

BELIAU BERKATA, SEKTOR SWASTA SETAKAT INI BELUM MEMBERI SUMBANGAN YANG DINAMIK KEPADA PERTUMBUHAN YANG BERTERUSAN SEBAGAIMANA YANG DIJANGKAKAN PADA MULANYA.

SEMASA MEMBENTANGKAN RANCANGAN MALAYSIA KELIMA DI PARLIMEN HARI INI, PERDANA MENTERI BERKATA, SEBALIKNYA SEKTOR AWAM TERPAKSA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI HINGGA MENYEBABKAN IA TIDAK MAMPU LAGI MENJADI PENGGERAK KEPADA PERKEMBANGAN EKONOMI MASA DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, EKONOMI NEGARA JUGA TERBATAS AKIBAT MASALAH-MASALAH STRUKTUR YANG SEMPIT YANG BERGANTUNG KEPADA HANYA BEBERAPA BARANGAN EKSPORT UTAMA SEPERTI BARANGAN ELEKTRONIK DAN TEKSTIL.

BELIAU JUGA MENYIFATKAN RANTAIAN YANG TIDAK KUKUH ANTARA INDUSTRI, KELEMAHAN DALAM SISTEM GALAKAN PELABURAN DAN MEROSOTNYA DAYA BERSAING BARANGAN BUATAN MALAYSIA SEBAGAI SEBAB TERBATASNYA EKONOMI NEGARA.- LAGI

1848MST 21 03 86

B B103 BAH

RML - MAHATHIR (SWASTA) 2 KUALA LUMPUR

+ KITA TELAH GAGAL MEREPUT PELUANG-PELUANG YANG ADA DALAM BIDANG-BIDANG PENGELUARAN, PEMEROSAN, PEMASARAN DAN PENYELIDIKAN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, TEGAS BELIAU, KERAJAAN TELAH BERJAYA MEMPERKENALKAN LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN KESAN-KESAN KEMELESETAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DEFISIT BELANJAWAN SEKTOR AWAM BERJAYA DIKURANGKAN DARIPADA 20.5 PERATUS KELUARAN NEGARA KASAR (KNK) PADA 1981 KEPADA HANYA 9.7 PERATUS PADA 1985.

DEFISIT AKAUN SEMASA DALAM IMBANGAN PEMBAYARAN JUGA DAPAT DIKURANGI 14.1 PERATUS DARIPADA KNK PADA 1982 KEPADA 3.1 PERATUS PADA 1985.

PERDANA MENTERI BERKATA, LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN KEMELESETAN INI MENYEBABKAN PERTUMBUHAN BESAR DALAM PERBELANJAAN SEKTOR AWAM DAN SETERUSNYA MENAMBAH BEBAN PERBELANJAAN KERAJAAN. -- LAGI

1850MST 21 03 86

0847

B B104 BAH

RML - MAHATHIR (SWASTA) 3 KUALA LUMPUR

+ MENERUSI LANGKAH YANG BERHATI-HATI DAN DASAR YANG SESUAI, KERAJAAN TELAH BERUPAYA MEMPERBAIKI KEDUDUKAN SUMBERNYA DAN DAPAT MENGAWAL JUMLAH HUTANG AWAM YANG SEMAKIN MENINGKAT,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BAGI TEMPOH 10 TAHUN MULAI 1970, PENDAPATAN PER KAPITA MENINGKAT DARIPADA \$1,109 SETAHUN KEPADA \$3,719 BERIKUTAN PERKEMBANGAN EKONOMI YANG PESAT DENGAN KADAR 7.6 PERATUS SETAHUN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERKEMBANGAN EKONOMI YANG PESAT DI TAHUN-TAHUN 70AN BERPUNCA DARIPADA PERMINTAAN DALAM DAN LUAR NEGERI SERTA KEGIATAN PELABURAN AWAM.

MENURUTNYA, SEPANJANG TEMPOH ITU JUGA, STRUKTUR EKONOMI NEGARA BERUBAH DENGAN BESAR IAITU BERKURANGNYA BAHAGIAN PERTANIAN DALAM JUMLAH KELUARAN NEGARA KASAR (KDNK) DARIPADA 29 PERATUS KEPADA 22.8 PERATUS.

PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA BAGI TEMPOH 1981 HINGGA 1985 PULA IALAH PADA KADAR 5.8 PERATUS SETAHUN DAN INI BERJAYA MENINGKATKAN PENDAPATAN PER KAPITA DARIPADA \$3,719 KEPADA \$4,609. -- LAGI

1852MST 21 03 86

D848

B B105 BAH

RML - MAHATHIR (SWASTA) 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, KERAJAAN JUGA BERPUAS HATI DENGAN KEMAJUAN UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN

ANTARA PROGRAM MENINGKATKAN MUTU KEHIDUPAN GOLONGAN MISKIN IALAH PENYEDIAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS SEPERTI KESIHATAN, PELAJARAN, BEKALAN AIR, ELEKTRIK SERTA PEMBINAAN JALAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERTIAHU PARLIMEN BAHAWA KADAR KEMISKINAN DI SEMENANJUNG BERJAYA DIKURANGKAN DARIPADA 49 PERATUS PADA 1970 KEPADA HANYA 18 PERATUS PADA 1984.

KERAJAAN JUGA MENCAPAI KEJAYAAN MENGGALAKKAN DALAM USAHA-USAHANYA UNTUK MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DENGAN MENYEDIAKAN PELUANG-PELUANG KEPADA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH.

PERDANA MENTERI BERKATA, PEMBABITAN GOLONGAN BUMIPUTERA DI BIDANG PERTANIAN PULA LEBIH TERTUMPU DALAM KEGIATAN-KEGIATAN YANG LEBIH PRODUKTIF MANAKALA PEMBABITANNYA DI BIDANG PROFESIONAL SEPERTI ARKITEK, JURUTERA DAN AKAUNTAN MAKIN BERTAMBAH. - BERNAMA

1854MST 21 03 86